



Kenyataan Polisi mengenai Hak Asasi Manusia

heidelbergmaterials.com

Kandungan

1. Kenyataan Komitmen

- 03 Skop dan Strategi Keseluruhan
- 04 Prinsip-Prinsip Panduan
- 04 Jangkaan terhadap Pengurus, Pekerja, dan Rakan Perniagaan Kami

2. Objektif Teras

- 05 Larangan Buruh Kanak-Kanak
- 05 Larangan Buruh Paksa dan Semua Bentuk Perhambaan
- 05 Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan
- 06 Kebebasan Berpersatuan
- 06 Kesaksamaan di Tempat Kerja
- 06 Ganjaran Setimpal untuk Kerja
- 07 Menghormati Hak Tanah
- 07 Penggunaan Sah Pasukan Keselamatan Swasta dan Awam
- 07 Perlindungan Alam Sekitar dan Iklim

3. Pengurusan Tanggungjawab Hak Asasi Manusia dan Alam Sekitar

- 08 Struktur Tadbir Urus dan Proses Usaha Wajar
- 09 Analisis Risiko
- 11 Langkah Pencegahan dan Pembedulan
- 16 Mekanisme Aduan
- 16 Semakan Keberkesanan
- 16 Dokumentasi dan Pelaporan

4. Pindaan dan Kemas Kini

5. Pengesahan Dasar



1. Kenyataan Komitmen

1.1 Skop dan Strategi Keseluruhan

Heidelberg Materials AG, bersama-sama anak syarikatnya di seluruh dunia ("Heidelberg Materials"), merupakan salah satu pengeluar bahan binaan dan penyelesaian bersepadu terbesar di dunia dengan kedudukan pasaran terkemuka dalam simen, agregat dan konkrit siap bancuh. Selain itu, kami turut menghasilkan bahan komposit lain seperti asfalt dan elemen konkrit pratuang. Heidelberg Materials beroperasi di lebih 50 buah negara di empat benua dan mempunyai kira-kira 51,000 pekerja di hampir 3,000 lokasi. Syarikat ini juga mempunyai hubungan perniagaan dengan lebih 120,000 pembekal di seluruh dunia. Produk dan perkhidmatan kami digunakan untuk membina bangunan, infrastruktur, serta kemudahan komersial dan perindustrian.

Sebagai syarikat induk kepada kumpulan global, kami sedar akan kesan yang boleh kami berikan terhadap hak asasi manusia dan alam sekitar, dan kami menerima sepenuhnya tanggungjawab yang datang bersama dengannya.

Penyataan Dasar ini menetapkan strategi hak asasi manusia kami dan terpakai kepada semua syarikat Heidelberg Materials. Ia merangkumi komitmen kami terhadap tadbir urus korporat yang bertanggungjawab, prinsip panduan serta objektif utama berkaitan dengan hak asasi manusia dan alam sekitar, termasuk pemerkasaan kepelbagaian, ekuiti dan keterangkuman, serta perlindungan terhadap iklim dan alam sekitar.

Kami sedar akan sumbangan besar yang dapat diberikan oleh industri kami kepada aspek ekonomi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sehubungan itu, Heidelberg Materials mewujudkan peluang pekerjaan dan menggalakkan pembangunan ekonomi setempat melalui pembayaran gaji kepada pekerja yang dibayar secara tempatan, pelaburan, pembelian serta pembayaran cukai khususnya di Kawasan yang ekonominya lemah. Kami juga menyedari risiko daripada aktiviti perniagaan kami terhadap beberapa aspek Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan, termasuk alam sekitar dan perubahan iklim, hak tanah, kesihatan serta kesejahteraan. Dalam konteks ini, Komitmen Kelestarian 2030 menjadi panduan kepada strategi kelestarian Heidelberg Materials. Komitmen tersebut meliputi empat tema utama: Sifar Bersih (Net Zero), Kitaran & Berdaya Tahan (Circular & Resilient), Alam Semula Jadi Positif (Nature Positive), dan Selamat & Inklusif (Safe & Inclusive). SDG membentuk asas strategi kami, yang sejajar dengan Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia serta inisiatif lain.

Langkah untuk memastikan Heidelberg Materials menyumbang dengan sewajarnya kepada perlindungan hak asasi manusia, adalah bermula dengan mengenal pasti kesan buruk yang mungkin timbul serta menghubungkaitkan dengan matlamat dan sasaran yang berkaitan. Proses wajar yang diamalkan oleh syarikat kami, serta bagaimana cara kami menguruskan impak negatif tersebut samaada secara pencegahan mahupun pembetulan. Ia membolehkan kami mengelakkan atau menghapuskan Kesan daripada aktiviti perniagaan kami terhadap manusia dan alam sekitar. Dari semasa ke semasa, ia jugak akan membolehkan kami menyumbang secara positif kepada penjagaan hak asasi manusia serta melalui pengalaman yang diperolehi, memupuk tadbir urus yang baik dalam bidang ini, seterusnya menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

1.2 Prinsip-Prinsip Panduan

Komitmen Heidelberg Materials adalah menghormati hak asasi manusia dalam bidang perniagaan serta dalam rantai bekalan selaras dengan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat dan Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia. Bagi merangkumi impak terhadap hak asasi manusia dan alam sekitar yang mungkin berpunca daripada aktiviti kami secara langsung atau tidak langsung, kami menggunakan nilai global dan piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai panduan, khususnya:

- Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik
- Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya
- Piawaian teras buruh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO); termasuk tetapi tidak terhad kepada, (i) hak untuk menikmati keadaan kerja yang adil dan memuaskan, termasuk memperoleh gaji sara hidup, (ii) hak untuk tidak dikenakan buruh paksa atau buruh kanak-kanak, (iii) hak kepada kebebasan berserikat dan berhimpun serta hak untuk berorganisasi dan berunding secara kolektif, dan (iv) hak untuk bebas daripada diskriminasi di tempat kerja.
- Garis Panduan OECD untuk Perusahaan Multinasional.

Di semua negara di mana undang-undang, peraturan atau adat tempatan berbeza daripada standard antarabangsa mengenai hak asasi manusia, kami akan berusaha sedaya upaya untuk mematuhi prinsip asas tersebut dengan cara yang konsisten dan sewajarnya. Sekurang-kurangnya, kami mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa sebagai asas sah kepada aktiviti perniagaan kami. Dalam konteks yang terjejas oleh konflik bersenjata, kami komited untuk menjalankan aktiviti kami dengan mengambil kira sensitiviti terhadap konflik, berpandukan prinsip yang ditetapkan oleh Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa. Sebagai sebuah perusahaan yang berpusat di Jerman, kami mematuhi kewajipan yang digariskan dalam Akta Jerman mengenai Tanggungjawab Usaha Wajar dalam Rantai Bekalan (Gesetz über die unternehmerischen Sorgfaltspflichten in Lieferketten).

1.3 Jangkaan terhadap Pengurus, Pekerja dan Rakan Perniagaan Kami

Semua syarikat di bawah Heidelberg Materials, termasuk para pengarah, eksekutif dan pekerjanya, hendaklah sentiasa mematuhi prinsip yang digariskan dalam Penyataan Dasar ini. Kami mengharapkan semua pihak berkepentingan dan rakan perniagaan kami termasuk para pembekal dan rakan usaha sama untuk bertindak selaras dengan tanggungjawab asas berkaitan hak asasi manusia dan alam sekitar seperti yang dinyatakan dalam polisi ini, serta menangani sebarang pelanggaran hak asasi manusia atau alam sekitar yang mungkin mereka cetuskan atau sumbangkan. Berhubung pembekal kami, kami mengharapkan mereka komited untuk menyampaikan jangkaan dan kewajipan yang sama kepada pembekal mereka sendiri.



2. Objektif Teras

Di Heidelberg Materials, kami komited sepenuhnya untuk mengelakkan daripada menyebabkan atau menyumbang kepada kesan buruk terhadap hak asasi manusia dan alam sekitar, sama ada melalui tindakan atau kegagalan bertindak dalam operasi kami sendiri atau sepanjang rantai bekalan, serta menangani kesan tersebut. Usaha kami memberi tumpuan kepada lokasi operasi dan pekerja kami sendiri, begitu juga kepada pekerja rakan perniagaan kami terutamanya para pembekal serta individu dan komuniti di sekitar kawasan operasi.

Kami mengakui bahawa kumpulan rentan seperti wanita, kanak-kanak, pelarian, Masyarakat pribumi, pekerja muda, pekerja migran, individu kurang upaya, warga emas, ahli komuniti LGBTQI+, dan kumpulan minoriti lain mungkin memerlukan pertimbangan khusus daripada kami bagi memastikan mereka tidak terjejas secara negatif dalam menikmati hak asasi mereka secara sama rata dan efektif berkaitan operasi dan rantai bekalan kami.

Untuk melaksanakan tanggungjawab kami dengan sewajarnya, kami komited untuk mematuhi piawai hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam bidang-bidang berikut.

2.1 Larangan Buruh Kanak-kanak

Berjuta-juta kanak-kanak perempuan dan lelaki di seluruh dunia terperangkap dalam kancas buruh kanak-kanak, sehingga mereka tercicir daripada mendapat pendidikan, kehilangan zaman kanak-kanak, potensi dan maruah mereka. Kami mengambil pendirian yang jelas menentang buruh kanak-kanak. Ini merangkumi semua bentuk perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pemerdagangan kanak-kanak, pelacuran kanak-kanak, serta aktiviti lain yang memudaratkan kesihatan, keselamatan atau moral kanak-kanak, khususnya pengeluaran dan pengedaran dadah. Umur minimum untuk pekerjaan, jenis aktiviti serta jumlah jam bekerja setiap minggu hendaklah ditetapkan mengikut undang-undang negara dan piawai Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

2.2 Larangan Buruh Paksa dan Semua Bentuk Perhambaan

Buruh paksa atau bekerja secara paksa memberi kesan kepada lebih daripada 27 juta orang di seluruh dunia. Ia sering berlaku dalam industri yang bergantung kepada pekerja tidak formal, dan malangnya, ia bukan sesuatu yang mudah dikenal pasti. Heidelberg Materials menolak sebarang bentuk buruh paksa serta semua bentuk perhambaan (moden), termasuk eksploitasi ekonomi atau seksual yang melampau dan merendahkan martabat manusia. Ini merangkumi apa-apa kerja atau perkhidmatan yang diwajibkan ke atas seseorang di bawah ancaman hukuman dan yang mana individu tersebut tidak menawarkan dirinya secara sukarela, contohnya akibat keganasan, ugutan, ikatan hutang, penahanan dokumen pengenalan diri, ancaman laporan kepada pihak imigresen atau pemerdagangan manusia.

Heidelberg Materials menetapkan bahawa sebarang hubungan pekerjaan mesti dimeterai dan dikekalkan secara sukarela. Pekerja berhak kepada kebebasan pergerakan, termasuk hak untuk keluar dan masuk ke premis kerja secara bebas, serta bebas untuk menamatkan pekerjaan selepas memberikan notis yang munasabah.

2.3 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Menjaga kebajikan pekerja, kontraktor dan komuniti merupakan sebahagian penting daripada aktiviti perniagaan kami. Dengan keyakinan bahawa kecederaan, penyakit berkaitan pekerjaan, isu kesihatan mental dan penyakit lain boleh dicegah, kami sentiasa berusaha untuk meminimumkan risiko terhadap pekerja, kontraktor dan komuniti dalam usaha mencapai sifar kemudaratan. Kami komited untuk menjalankan perniagaan kami selaras dengan semua undang-undang tempatan, serantau, nasional dan antarabangsa yang berkenaan, serta mematuhi standard dan prosedur Kesihatan & Keselamatan dalaman kami.



2.4 Kebebasan Berpersatuan

Industri bahan binaan sering dikaitkan dengan pelanggaran terhadap hak kebebasan berpersatuan dan perundingan kolektif. Di Heidelberg Materials, kami menyokong dialog sosial dan mengiktiraf hak pekerja untuk bebas menubuhkan atau menyertai kesatuan sekerja, hak untuk mogok serta hak untuk berunding secara kolektif. Kami mengakui hak pekerja untuk dilindungi daripada diskriminasi anti-kesatuan, dan bahawa tindakan menubuhkan, menyertai atau menjadi ahli kesatuan sekerja tidak boleh menjejaskan suasana kerja, laluan kerjaya, atau tahap gaji mereka.

2.5 Kesaksamaan dalam pekerjaan

Industri bahan binaan secara tradisinya didominasi oleh kaum lelaki, dengan wanita sering berdepan dengan kekurangan peluang dalam proses pengambilan pekerja serta terdedah kepada diskriminasi di sepanjang rantai nilai. Kami komited untuk mempromosikan kesaksamaan peluang dalam pekerjaan atau kerjaya serta berusaha ke arah keseimbangan antara jantina di semua peringkat organisasi. Keputusan berkaitan pengambilan pekerja dan pembangunan profesional hendaklah dibuat berdasarkan keperluan syarikat, kelayakan, kesesuaian profesional, kualiti kerja dan komitmen individu.

Keputusan syarikat hendaklah dibuat berdasarkan kelayakan, kesesuaian profesional, kualiti kerja dan komitmen individu. Di Heidelberg Materials, kami tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk diskriminasi (yang menyalahi undang-undang), gangguan, termasuk gangguan seksual, atau keganasan. Kami mempromosikan keterangkuman, mematuhi garis panduan kami, dan melayan setiap individu dengan penuh rasa hormat tanpa mengira kewarganegaraan, bangsa, asal-usul etnik atau sosial, umur, agama atau kepercayaan, ketidakupayaan, orientasi atau identiti seksual, serta pandangan politik mereka.

2.6 Ganjaran Setimpal untuk waktu bekerja

Ganjaran merupakan aspek penting dalam syarat perkerjaan. Heidelberg Materials mengiktiraf prinsip bayaran yang sama untuk kerja yang mempunyai nilai yang sama. Ganjaran yang sesuai dan berkaitan dengan prestasi, yang memastikan keadaan hidup yang memuaskan bagi pekerja dan keluarga mereka, hendaklah diberikan tanpa mengira jantina atau asal-usul. Ini termasuk pembayaran gaji yang tepat pada masanya dan adil, sekurang-kurangnya menyamai kadar gaji minimum negara masing-masing.



2.7 Menghormati Hak Tanah

Syarikat yang beroperasi dalam industri bahan binaan berdepan pelbagai cabaran berkaitan hak tanah. Antara masalah yang paling lazim ialah akses kepada tanah untuk pertanian, pemerolehan tanah melalui rundingan yang tidak adil, perubahan guna tanah, serta pemindahan komuniti. Dalam konteks konflik atau pasca-konflik, tanah merupakan unsur yang sangat penting dan menjadi teras kepada identiti serta kewujudan masyarakat pribumi dan komuniti yang mempunyai hubungan tradisional mendalam dengan tanah tersebut. Malah, hak budaya masyarakat pribumi boleh terjejas oleh operasi penerokaan sumber yang mungkin dijalankan di dalam atau berhampiran tanah milik mereka.

Heidelberg Materials mengiktiraf peranan kritikal tanah dalam menyokong kelestarian sebagai sumber yang memenuhi keperluan alam sekitar, sosial dan ekonomi setempat. Kami komited terhadap penggunaan dan pengurusan tanah secara bertanggungjawab, termasuk larangan pengusiran yang tidak sah serta larangan perampasan tanah, hutan dan sumber air secara haram di mana hasilnya menjadi sumber rezeki kepada satu atau lebih individu. Kami turut mengiktiraf kepentingan menghormati hak penentuan nasib sendiri masyarakat serta penglibatan komuniti yang bergantung kepada tanah. Ini termasuk, bagi kumpulan pribumi, prinsip-prinsip yang digariskan dalam Konvensyen ILO mengenai Masyarakat pribumi dan Puak Asal (No. 169), terutamanya hak untuk mendapatkan persetujuan bebas, terdahulu dan dimaklumkan (free, prior and informed consent).

2.8 Penggunaan Sah Pasukan Keselamatan Swasta dan Awam

Untuk mengekalkan keselamatan dan perlindungan, operasi penerokaan berskala besar mungkin menggunakan pasukan keselamatan swasta atau awam, yang boleh menjejaskan hak asasi manusia para pekerja dan ahli komuniti sekiranya mereka menentang syarikat. Apabila perkhidmatan keselamatan swasta atau pasukan keselamatan awam digunakan di lokasi kami, Heidelberg Materials akan memberikan arahan dan kawalan yang sewajarnya kepada pasukan keselamatan tersebut bagi mengelakkan sebarang bentuk kekerasan atau penindasan yang menyalahi undang-undang. Kami memastikan bahawa larangan terhadap penyeksaan atau layanan yang kejam, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah, hak terhadap keselamatan nyawa dan anggota badan, serta kebebasan berserikat tidak diganggu atau dicabuli.

2.9 Perlindungan Alam Sekitar dan Iklim

Kesan terhadap alam sekitar boleh memberi impak besar terhadap kesihatan dan kesejahteraan manusia. Penggunaan air merupakan salah satu kesan paling signifikan industri bahan binaan terhadap hak asasi manusia. Ia boleh menjejaskan akses komuniti terhadap sumber ini dan menjejaskan kesihatan mereka akibat kualiti air yang tidak baik. Kesihatan komuniti juga boleh terjejas akibat pendedahan kepada bahan pencemaran di udara atau tanah. Kesan lain termasuk peningkatan trafik jalan raya, getaran, kehilangan biodiversiti dan tumbuh-tumbuhan di permukaan bumi. Selain itu, industri kami mempunyai permintaan tenaga yang tinggi, dan penggunaan tenaga serta proses pengeluaran turut menyumbang kepada pelepasan CO₂.

Heidelberg Materials mengiktiraf hak setiap individu untuk menikmati persekitaran yang bersih, sihat dan mampan. Kami mengakui bahawa tanah, air, udara, biodiversiti dan sumber semula jadi merupakan elemen penting dalam memenuhi keperluan sosial, ekonomi dan budaya manusia. Kami komited terhadap usaha penyahkarbonan, memperkukuh ekonomi kitaran melalui kitar semula dan guna semula bahan, mengurangkan penggunaan sumber semula jadi, mengurangkan atau mengelakkan pencemaran, serta memelihara dan meningkatkan biodiversiti secara positif. Kami mengambil serius komitmen terhadap alam sekitar dan generasi masa depan. Kami memberi perhatian terhadap kelestarian dan amalan mesra alam serta mematuhi undang-undang alam sekitar antarabangsa, nasional dan/atau tempatan yang berkaitan.

Kami menghormati peraturan Konvensyen Minamata, Stockholm dan Basel yang terpakai kepada perniagaan kami, walaupun standard negara tertentu mungkin berbeza daripada keperluan konvensyen tersebut. Dalam apa jua keadaan, kami mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai sebagai asas sah kepada aktiviti perniagaan kami.



3. Mengurus Tanggungjawab Hak Asasi Manusia dan Alam Sekitar

Menghormati hak asasi manusia adalah tanggungjawab setiap individu yang bekerja di Heidelberg Materials. Sebagai sebahagian penting daripada operasi dan hubungan kami dengan para pembekal, kami telah mewujudkan proses yang sesuai untuk membolehkan kami mengaplikasikan Prinsip Panduan PBB bagi mengelakkan serta menangani sebarang kesan buruk terhadap hak asasi manusia yang mungkin melibatkan kami.

3.1 Struktur Tadbir Urus dan Proses Usaha Wajar

Dasar Pengurusan Pematuhan Hak Asasi Manusia Kumpulan kami menetapkan sistem pengurusan pematuhan hak asasi manusia Heidelberg Materials yang direka bagi memenuhi komitmen kami terhadap hak asasi manusia, termasuk penetapan tanggungjawab hak asasi manusia di seluruh organisasi kami. Dasar ini adalah terpakai dan wajib dipatuhi oleh semua pekerja Heidelberg Materials.

Organisasi yang bertanggungjawab terhadap pematuhan berada di bawah kuasa Pengerusi Lembaga Pengurusan Heidelberg Materials AG, di mana Pengarah Kumpulan Undang-Undang & Pematuhan melaporkan secara langsung. Fungsi Pematuhan, termasuk Pegawai Hak Asasi Manusia Kumpulan yang dilantik oleh lembaga, adalah bertanggungjawab terhadap pembangunan, pelaksanaan dan pemantauan Sistem Pengurusan Pematuhan Hak Asasi Manusia Heidelberg Materials dan melaporkan hasil proses usaha wajar kepada Lembaga Pengurusan. Jabatan Kelestarian pula bertanggungjawab untuk melaksanakan aspek alam sekitar dalam Sistem Pengurusan Pematuhan Hak Asasi Manusia. Jabatan Kelestarian dipantau oleh Ketua Pegawai Kelestarian & Teknologi Baharu, yang merupakan ahli Lembaga Pengurusan.

Untuk melaksanakan program pematuhan hak asasi manusia, setiap organisasi negara telah melantik seorang Penyelaras Hak Asasi Manusia yang bertanggungjawab memantau pengurusan pematuhan hak asasi manusia, serta seorang Pakar Alam Sekitar bagi bekerjasama dalam menilai dan menangani impak hak asasi manusia yang berkaitan dengan aspek alam sekitar.

Penyelaras Hak Asasi Manusia di organisasi negara, dengan sokongan Jabatan Undang-Undang & Pematuhan Kumpulan, mengetuai dan menyelaraskan usaha hak asasi manusia di negara masing-masing. Namun, disebabkan sifat hak asasi manusia yang merentasi pelbagai bidang, jabatan lain turut bertanggungjawab terhadap aspek tertentu dalam Sistem Pengurusan Pematuhan Hak Asasi Manusia. Sehubungan itu, Penyelaras Hak Asasi Manusia disokong oleh pasukan rentas fungsi yang merangkumi wakil daripada jabatan Kelestarian, Perolehan, Sumber Manusia, Kesihatan dan Keselamatan, serta Komunikasi.

Teras kepada sistem pengurusan pematuhan hak asasi manusia ialah proses usaha wajar, yang merangkumi penilaian risiko hak asasi manusia serta reka bentuk dan pelaksanaan langkah-langkah pencegahan, mitigasi dan pemulihan.

Selain itu, sistem pengurusan pematuhan hak asasi manusia turut mengambil kira keberkesanan langkah-langkah yang telah dilaksanakan, serta dokumentasi dan pelaporan berkaitan. Aspek alam sekitar ditangani secara berkala. Di samping itu, sebahagian besar lokasi kami dilengkapi dengan sistem pengurusan alam sekitar (ISO 14001 atau setara). Pelan penglibatan komuniti turut merangkumi perlindungan alam sekitar dalam kes yang berkaitan. Proses usaha wajar Heidelberg Materials sentiasa diperbaiki dan disesuaikan berdasarkan hasil penilaian risiko serta penilaian keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil, bagi memastikan risiko dikenal pasti dan ditangani dengan sewajarnya.



3.2 Analisis Risiko

Sejak tahun 2017, kami telah menjalankan penilaian risiko hak asasi manusia secara berkala iaitu kira-kira setiap tiga tahun, dengan menggunakan piawaian hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai rujukan. Mulai tahun 2023, kami telah menubuhkan proses usaha wajar yang akan dijalankan sekali setahun dan secara ad-hoc bagi mengenal pasti impak yang mungkin bercanggah dengan piawaian tersebut. Secara khususnya, penilaian risiko hak asasi manusia membolehkan kami mengenal pasti impak yang secara langsung disebabkan oleh Heidelberg Materials, impak yang kami sumbangkan secara tidak langsung, serta impak yang berkaitan dengan operasi, produk atau perkhidmatan kami melalui hubungan perniagaan, terutamanya dalam rantai bekalan.

Penilaian risiko hak asasi manusia kami merangkumi impak yang berpotensi dan impak sebenar, serta menggabungkan hasil penyelidikan bersama dialog dalaman dan luaran. Selain itu, impak mana-mana pelaburan baharu terhadap tanggungjawab hak asasi manusia dan tanggungjawab alam sekitar kami juga merupakan sebahagian daripada proses usaha wajar. Pertimbangan hak asasi manusia, alam sekitar dan perniagaan diambil kira sepenuhnya ketika membuat keputusan pelaburan.

Sekiranya berlaku perubahan ketara dalam aktiviti perniagaan kami, seperti pengenalan rangkaian produk baharu, projek baharu, atau peluasan aktiviti perniagaan seperti yang dinyatakan sebelum ini—or jika pendedahan risiko berubah secara signifikan, dan sekiranya terdapat maklumat kukuh mengenai kemungkinan pelanggaran hak asasi manusia atau alam sekitar oleh pembekal tidak langsung, kami akan menjalankan penilaian risiko ad-hoc dan mengambil tindakan sewajarnya. Tindakan ini termasuk memilih langkah pencegahan yang sesuai terhadap pihak yang bertanggungjawab, membangunkan serta melaksanakan langkah pembetulan, dan mengemas kini pernyataan dasar ini sekiranya perlu.

Operasi Dalaman

Penilaian risiko abstrak atau keseluruhan mengenal pasti dan menilai potensi impak dalam organisasi negara kami. Dengan membuat semakan maklumat dan sumber berkaitan risiko hak asasi manusia dan alam sekitar, kami mengenal pasti: (i) impak yang lazim bagi industri bahan binaan; (ii) risiko hak asasi manusia dan alam sekitar yang wujud di semua negara tempat kami beroperasi; dan (iii) kumpulan individu yang mungkin terjejas.

Dengan menggunakan pendekatan berasaskan risiko secara sistematik, impak sebenar dinilai melalui prosedur lanjut iaitu penilaian risiko konkrit atau bersih. Berhubung operasi perniagaan kami sendiri, proses usaha wajar mengambil kira impak yang berkaitan dengan objektif teras seperti yang dinyatakan dalam seksyen 2, termasuk tetapi tidak terhad kepada hak asasi manusia di tempat kerja, hak tanah, dan risiko alam sekitar. Namun, tumpuan diberikan kepada risiko hak asasi manusia dan alam sekitar yang paling ketara bagi syarikat kami. Bergantung pada konteksnya, analisis terperinci akan dijalankan, contohnya di kawasan yang terjejas konflik.

Penilaian risiko hak asasi manusia yang konkrit bagi operasi kami sendiri adalah berasaskan pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif, dan merangkumi semua barisan perniagaan. Untuk setiap barisan perniagaan, kami mengendalikan temu bual separa berstruktur melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, yang membolehkan penyertaan dan memberi perhatian khusus kepada kumpulan pemegang hak yang berbeza. Memandangkan bilangan lokasi dan negara tempat kami beroperasi adalah besar, kami mengutamakan lokasi berisiko tinggi dan berdampak tinggi di setiap negara. Keutamaan ini memastikan kami menyediakan analisis menyeluruh terhadap penilaian risiko konkrit. Dari semasa ke semasa, kami akan memperluaskan semakan keberwajaran ini untuk meliputi semua lokasi kami.

Rantainya Bekalan

Berhubung rantaian bekalan kami, penilaian risiko secara abstrak atau keseluruhan digunakan untuk mengenal pasti dan menilai potensi impak dalam rantaian bekalan organisasi negara kami. Matriks risiko digunakan untuk mengenal pasti pembekal berisiko tinggi dengan menilai dan menganalisis kategori bahan dan perkhidmatan yang dibekalkan kepada Heidelberg Materials (iaitu "kategori bahan"), serta negara asal para pembekal. Faktor risiko ditetapkan berdasarkan dimensi alam sekitar, sosial, hak asasi manusia, tadbir urus dan pematuhan.

Dengan menggunakan pendekatan berasaskan risiko untuk risiko hak asasi manusia dan alam sekitar, Heidelberg Materials menjalankan penilaian risiko konkrit atau bersih dalam rantaian bekalannya. Penilaian risiko khusus yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan alam sekitar dijalankan terhadap pembekal yang dikenal pasti sebagai berisiko tinggi atau berdampak tinggi mengikut penilaian risiko abstrak tersebut. Dengan menggunakan platform pemantauan pihak ketiga, Heidelberg Materials meminta mereka memberikan ketelusan tentang cara mereka mengurus hak asasi manusia dan tenaga kerja, perlindungan alam sekitar, tanggungjawab rantaian bekalan, kesihatan dan keselamatan, serta pelepasan karbon. Untuk memastikan bahawa kehendak hak asasi manusia global dan tempatan serta peraturan alam sekitar dipatuhi, kami memerlukan pembekal memberikan jawapan yang jelas dan boleh disahkan oleh Heidelberg Materials jika perlu. Selain itu, platform tersebut memberikan kami gambaran tentang kelestarian rantaian bekalan kami berdasarkan penilaian pembekal, pemantauan berita kritikal, serta indikator risiko alam sekitar, sosial dan tadbir urus di peringkat negara dan industri.

Selepas menjalankan penilaian risiko konkrit sama ada dalam operasi dalaman kami atau dalam rantaian bekalan, risiko yang dikenal pasti akan diutamakan, dengan memastikan impak yang paling serius ditangani terlebih dahulu. Untuk tujuan ini, kami menggunakan pelbagai kriteria seperti kebarangkalian impak, akibat buruk terhadap manusia atau alam sekitar, sumbangan syarikat terhadap impak tersebut, serta kemampuan kami untuk mempengaruhi pihak yang bertanggungjawab secara langsung terhadap risiko atau pelanggaran berkenaan. Keutamaan ini penting apabila tidak semua impak boleh ditangani secara serentak, dan ia membolehkan Heidelberg Materials menentukan langkah mitigasi dan pemulihan yang perlu dilaksanakan terlebih dahulu.



Hasil Penilaian

Penilaian risiko dalam operasi dalaman kami menunjukkan potensi risiko pengabaian terhadap hak untuk kesaksamaan serta hak kepada persekitaran yang sihat di kawasan tempat kami beroperasi. Kami juga beroperasi di negara yang mengalami konfrontasi bersenjata, yang mewujudkan risiko berpotensi terhadap hak harta. Selain itu, keselamatan pekerjaan dan kesihatan berkaitan kerja merupakan antara risiko tertinggi dalam industri bahan binaan. Dalam hal ini, penilaian risiko di dalam syarikat menunjukkan bahawa kebanyakan bahaya adalah berkaitan dengan peralatan operasi yang digunakan, yang boleh menyebabkan kemalangan pekerjaan atau penyakit. Aktiviti berisiko tinggi boleh menyebabkan kecederaan serius seperti bekerja di tempat tinggi, bekerja di ruang terkurung, pengawal mesin, pengasingan peralatan, pemanduan, atau risiko kesihatan. Memandangkan syarikat kami masih berada dalam industri yang didominasi oleh lelaki, risiko diskriminasi tertentu boleh berlaku. Aspek seperti berat sebelah, gangguan atau ketidakadilan adalah kritikal terutamanya terhadap Wanita. Golongan ini mungkin menghadapi cabaran semasa proses pengambilan pekerja dan dalam operasi harian.

Risiko yang berkaitan dengan alam sekitar berpunca daripada operasi kami dalam pelbagai bidang perniagaan, termasuk proses industri berintensiti tenaga, industri penerokaan bukan tenaga, logistik, kitar semula dan lain-lain. Oleh itu, kawalan terhadap impak kami ke atas alam sekitar merupakan bahagian penting dalam operasi harian kami. Perlombongan agregat memberikan impak langsung terhadap tanah, alam semula jadi dan air melalui proses pengeluaran bahan-bahan tersebut dari bumi. Mesin berwarna kuning (jentera berat) boleh menyebabkan pelepasan debu semasa mengendalikan dan mengangkut batu kapur. Pelepasan debu juga boleh berlaku semasa penghancuran batu kapur, pengisaran bahan mentah dan simen. Pengeluaran klinker pada suhu tinggi serta penggunaan tenaga daripada sumber fosil dan bukan fosil, termasuk bahan mentah, membawa kepada pelepasan bahan pencemar udara seperti NO_x, SO_x, habuk dan ammonia. Pengeluaran klinker juga merupakan sumber utama pelepasan CO₂ syarikat kami. Penyimpanan bahan api alternatif berasaskan sisa boleh menyebabkan pelepasan ke udara dan tanah. Pengeluaran konkrit pula boleh mengakibatkan pelepasan debu dan memerlukan jumlah air yang besar. Kami menggunakan air dan melepaskan air dalam beberapa barisan perniagaan kami.

Dalam rantai bekalan kami, penilaian risiko mengenal pasti risiko ketara terhadap hak asasi manusia, khususnya berkaitan hak kepada kesihatan dan keselamatan, gaji yang mencukupi untuk kehidupan yang layak, serta risiko terhadap alam sekitar. Di beberapa kawasan berisiko tinggi tempat kami beroperasi, terdapat risiko tambahan dalam rantai bekalan kami yang melibatkan hak untuk kesaksamaan, perundingan kolektif dan kebebasan berserikat, buruh paksa serta buruh kanak-kanak. Risiko ketara dalam rantai bekalan kami yang berkaitan dengan alam sekitar termasuk penggunaan tenaga yang tinggi, penggunaan air, pelepasan gas rumah kaca (GHG) serta pelepasan lain, di samping risiko berkaitan biodiversiti dan pengurusan sisa

3.3 Langkah Pencegahan dan Pemulihan

Berdasarkan senarai potensi dan impak sebenar terhadap hak asasi manusia dan alam sekitar yang diperolehi daripada penilaian risiko, serta bagi mengintegrasikan piawaian hak asasi manusia dan alam sekitar yang diiktiraf di peringkat antarabangsa ke dalam organisasi kami, Heidelberg Materials membangunkan langkah-langkah pencegahan yang seragam untuk memenuhi komitmen kami terhadap penghormatan hak asasi manusia, perlindungan alam sekitar dan kemajuan sosial.

Langkah-langkah tersebut dilaksanakan oleh organisasi di setiap negara, termasuk melalui kod tingkah laku, dasar-dasar dan latihan. Selain itu, setiap organisasi negara merangka langkah pencegahan tempatan yang melengkapi langkah-langkah yang digalakkan dan dilaksanakan di peringkat Kumpulan.

- Kod Tingkah Laku Perniagaan Heidelberg Materials merangkumi peraturan yang kami tetapkan untuk diri kami sendiri. Ia menghuraikan nilai-nilai kami serta standard etika dan perundangan yang terpakai kepada semua aktiviti perniagaan dan kepada setiap individu dalam Heidelberg Materials. Peraturan ini merangkumi syarat pekerjaan tanpa diskriminasi serta dialog yang terbuka dan adil dengan wakil pekerja. Jika tiada peraturan bertulis sedia ada untuk sesuatu tingkah laku tertentu, kami mematuhi peraturan statutori serta peraturan moral dan etika yang diterima umum, atau mendapatkan nasihat daripada pakar pematuhan kami dan mengguna pakai standard etika yang selaras dengan Kod Tingkah Laku Perniagaan kami.
- Sistem imbuhan adalah berdasarkan prestasi, pematuhan, dan hasil kerja selaras dengan piawaian pasaran bagi syarikat yang beroperasi di peringkat antarabangsa dalam sektor kami. Selain imbuhan tetap yang ditadbir melalui perjanjian kolektif atau kontrak pekerjaan individu, para pekerja kami juga menerima pendapatan berubah mengikut prestasi mereka dan kejayaan korporat.
- Heidelberg Materials bekerjasama secara konsisten dengan wakil pekerja dalam semangat saling percaya. Dialog yang rapat dan adil antara wakil pekerja dan majikan diadakan secara berkala di lokasi-lokasi kami.
- Dasar Anti-Rasuah Kumpulan kami menetapkan prinsip seperti berkelakuan dengan integriti terhadap rakan niaga atau mengelakkan konflik kepentingan, serta menangani dan melarang tingkah laku tidak beretika, walaupun perbuatan tersebut tidak merupakan kesalahan jenayah yang boleh dihukum.

- Memandangkan rasuah juga merupakan isu yang meningkatkan risiko pelanggaran hak asasi manusia, kami menjalankan analisis komprehensif untuk menilai dan mencegah risiko rasuah serta kemungkinan konflik kepentingan. Pendekatan bergilir memastikan negara-negara Kumpulan yang berbeza dianalisis setiap tahun sebagai sebahagian daripada kitaran ini. Pertama, potensi risiko dalam organisasi sesebuah negara dinilai. Seterusnya, langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk mengehadkan risiko ini dinilai, dan akhirnya, ditentukan sama ada usaha tambahan diperlukan. Berdasarkan penilaian ini, satu pelan tindakan disediakan untuk setiap negara dan pelaksanaannya dipantau oleh Jabatan Undang-undang & Pematuhan Kumpulan.
- Latihan bersemuka dan dalam talian mengenai Kod Tata Kelakuan Perniagaan, undang-undang persaingan, pencegahan rasuah serta kesihatan dan keselamatan pekerjaan disediakan. Mulai tahun 2023, kursus dalam talian tambahan mengenai hak asasi manusia menjadi sebahagian daripada latihan wajib untuk semua pekerja yang mempunyai akses komputer secara berkala dan diulang setiap dua tahun. Selain itu, kami menyediakan mesyuarat balai timbangtara (townhall) dan pusat hubungan di mana pekerja boleh mengemukakan soalan serta mendapatkan nasihat dan bantuan.
- Jabatan audit dalaman kami secara berkala memeriksa pematuhan terhadap prinsip asas dan dasar kami dengan kerjasama Jabatan Pematuhan Kumpulan.
- Kami telah mewujudkan satu sistem pemantauan tiga bahagian untuk menggalakkan pematuhan terhadap undang-undang, dasar, dan garis panduan. Sistem ini merangkumi i) dialog intensif dengan wakil pekerja, ii) sistem pelaporan (whistleblowing) di mana individu boleh melaporkan kekurangan yang berkaitan dengan pelanggaran termasuk, antara lain, piawaian kerja dan sosial secara anonim dan sulit, dan iii) pelaporan berkala dalam bentuk Laporan Pematuhan Kumpulan am dan Laporan Insiden Pematuhan, bagi memeriksa dan memastikan pematuhan terhadap tanggungjawab kami dalam operasi harian. Hasil penilaian ini dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Penyelia.

Heidelberg Materials menempatkan kesihatan dan kesejahteraan pekerja, komuniti, dan pembekal sebagai teras kepada operasi perniagaannya. Sekiranya, walaupun selepas usaha pencegahan oleh Heidelberg Materials, pelanggaran hak asasi manusia atau alam sekitar dijangka berlaku atau telah pun berlaku, langkah pemulihan yang sewajarnya mesti dilaksanakan untuk mengurangkan atau menghentikan pelanggaran tersebut. Pelan pengurusan impak akan membantu memantau perkembangan dan keberkesannya. Perkara ini juga terpakai sekiranya terdapat peningkatan potensi risiko atau apabila pembekal tidak atau hanya sebahagiannya memenuhi standard kami.

Selaras dengan hasil penilaian risiko kami, langkah-langkah pencegahan selanjutnya telah dikelompokkan. Langkah-langkah ini merangkumi dasar, garis panduan, latihan, kontrak, dan audit, dan dibentangkan dalam bidang tumpuan berikut: Kesihatan & Keselamatan, Kesaksamaan, Alam Sekitar, dan Rantaian Bekalan.



Kesihatan & Keselamatan

Dasar Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan serta Standard Kesihatan & Keselamatan Kumpulan menetapkan peraturan dan amalan utama yang wajib dipatuhi oleh semua pekerja dan kontraktor yang bekerja untuk kami bagi mencegah kemalangan maut dan insiden yang mengakibatkan kecederaan diri. Ini terpakai untuk semua lokasi dan operasi di mana kami menjalankan kawalan pengurusan, khususnya di loji, fasiliti, dan tapak pembinaan kami, serta dalam urusan logistik dan pengangkutan. Lokasi kami mempunyai sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerjaan (ISO 45001 atau setara).

Dasar tersebut dan Standard Kumpulan yang wajib dipatuhi mesti digabungkan ke dalam prosedur Kesihatan & Keselamatan tempatan melalui sistem pengurusan yang sesuai. Ini termasuk, antara lain:

- Penyediaan tempat kerja, peralatan, prosedur kerja, dan amalan yang selamat dan sihat berdasarkan hasil penilaian risiko yang disemak secara berkala.
- Melatih dan membimbing pekerja.
- Pemeriksaan kawasan kerja dan amalan kerja untuk memastikan pematuhan terhadap keperluan dalaman dan luaran.

Pelaksanaan penilaian risiko Kesihatan & Keselamatan adalah suatu keperluan undang-undang dan juga keperluan dalaman berdasarkan Standard Kumpulan bagi semua operasi kami. Penilaian risiko di peringkat lokal ini menghasilkan langkah teknikal, organisasi, dan individu bagi mengurangkan risiko yang dikenal pasti ke tahap yang boleh diterima sebelum melaksanakan sebarang kerja. Penilaian risiko pekerjaan mesti diulangi, disemak semula, dan dikemas kini pada selang masa yang tetap dengan dokumentasi yang lengkap, sekurang-kurangnya setiap tiga tahun, kecuali jika terdapat perubahan operasi atau organisasi, insiden berkaitan, atau keperluan khusus daripada Standard Kumpulan atau peraturan tempatan. Berdasarkan hasil penilaian risiko ini, kami mengemas kini dasar Kumpulan secara menyeluruh untuk menangani aktiviti yang mempunyai risiko tinggi secara konsisten.

Kesaksamaan

Kami telah melancarkan satu program komprehensif yang merangkumi pelbagai langkah untuk meningkatkan kepelbagaian. Kami memahami kepelbagaian sebagai satu konsep pengurusan yang menghimpunkan individu daripada budaya, personaliti, kemahiran, dan pengalaman yang berbeza bagi mencerminkan sifat pasaran, asas pelanggan, dan persekitaran perniagaan kami yang bersifat antarabangsa dan pelbagai. Ini merangkumi usaha meningkatkan kesedaran untuk mewujudkan persekitaran kerja yang inklusif serta langkah-langkah bagi memastikan peluang yang sama rata dan memerangi diskriminasi, seperti:

- Komposisi pengurusan dan kumpulan relevan lain yang lebih berbilang dan pelbagai.
- Kami menyokong pembangunan kerjaya rakan sekerja wanita melalui bimbingan (mentoring), penyertaan dalam program pembangunan bakal pemimpin masa hadapan, atau pelan tindakan khusus seperti program perintis untuk melatih wanita sebagai pemandu lori.
- Melalui bengkel, latihan, dan aktiviti harian, kami memupuk hubungan sokongan (allyship) di tempat kerja untuk mengenal pasti keistimewaan, mempromosikan kesaksamaan dan meningkatkan kesedaran bagi mewujudkan budaya tempat kerja yang lebih inklusif.
- Kami menyokong inisiatif global "NOW – Network of Women" yang menghubungkan pekerja wanita di seluruh dunia. Antara matlamatnya adalah untuk membantu ahli rangkaian membangunkan potensi kerjaya mereka serta meningkatkan kesedaran mengenai perubahan keperluan kerja dan kehidupan di seluruh Kumpulan.
- Kami menggalakkan keseimbangan kerja-hidup yang baik melalui model waktu kerja fleksibel dan bentuk kerja mudah alih.
- Memandangkan kira-kira satu pertiga daripada pekerja kami berusia lebih 50 tahun, kami menyediakan pengurusan kesihatan dan langkah penjagaan pencegahan yang disesuaikan mengikut keperluan serantau.





Alam Sekitar

Kami terus membuat pelaburan besar dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi pengeluaran rendah karbon yang inovatif serta memajukan portfolio produk lestari kami di setiap negara tempat kami beroperasi.

Kami juga berusaha untuk memelihara habitat dan spesies sepanjang keseluruhan kitar hayat kuari kami. Matlamat “nature positive” kami dikaitkan dengan program komprehensif yang merangkumi pelbagai langkah bagi melindungi ekosistem: Heidelberg Materials mempunyai rangkaian dasar yang menggariskan pendekatan dan komitmen kami untuk memastikan operasi yang mesra alam. Ini termasuk Dasar Penggunaan Tanah Bertanggungjawab, Dasar Alam Sekitar, Dasar Air, dan Dasar Biodiversiti kami:

- Dasar Penggunaan Tanah Bertanggungjawab Heidelberg Materials menetapkan prinsip kami dalam menggunakan dan mengurus tanah bagi aktiviti perniagaan sepanjang keseluruhan kitar hayatnya. Sama ada tanah tersebut dimiliki atau disewa, kami bertanggungjawab untuk mengurus dan menjaga tanah tersebut dengan berkesan supaya ia kekal sebagai sumber yang berdaya guna sepanjang tempoh penggunaannya dan untuk generasi akan datang. Amalan pengurusan tanah yang bertanggungjawab menyokong perlindungan alam sekitar yang mencukupi, penggunaan yang cekap serta pematuhan terhadap semua kawal selia dan perundangan berkaitan penggunaan tanah.
- Heidelberg Materials mengukur pelepasan CO₂ dan penggunaan tenaga dalam barisan perniagaan simen mengikut “Sustainability Guidelines for the Monitoring and Reporting of CO₂ Emissions from Cement Manufacturing” (Okt. 2019) yang dikeluarkan oleh GCCA. Garis panduan ini adalah berdasarkan Standard CEN EN 19694-3.
- Kami juga mengukur pelepasan udara dalam perniagaan simen berdasarkan “GCCA Sustainability Guidelines for the Monitoring and Reporting of Emissions from Cement Manufacturing” (Okt. 2019) dan membuat pelaporan mengikut garis panduan tersebut. Hanya jika tiada data pengukuran tersedia, kami menggunakan anggaran, contohnya daripada analisis terdahulu berkaitan pelepasan udara atau penggunaan air.
- Penggunaan air dalam barisan perniagaan simen kami diukur berdasarkan “GCCA Sustainability Guidelines for the Monitoring and Reporting of Water in Cement Manufacturing” (Okt. 2019), yang selaras dengan keperluan GRI untuk pelaporan pengambilan air (GRI 303-3) dan pelepasan air (GRI 303-4). Kaedah yang sama turut digunakan untuk barisan perniagaan agregat kami.
- Dasar Biodiversiti kami mempromosikan perlindungan dan peningkatan spesies serta ekosistem, baik semasa mahupun selepas aktiviti pengeluaran bahan mentah semula jadi. Operasi pengeluaran kami boleh menyebabkan perubahan sementara terhadap penggunaan tanah dan berpotensi memberi kesan negatif kepada alam sekitar. Walau bagaimanapun, melalui pelaksanaan tindakan dasar kami, rangkaian dokumen amalan terbaik khusus mengikut wilayah, serta komitmen korporat, kami memastikan bahawa impak tersebut dapat diminimumkan dan kami dapat memberikan sumbangan positif terhadap biodiversiti. Pelan pengurusan biodiversiti dan pengurusan air lestari merupakan elemen penting dalam kerja kami.
- Hampir semua loji simen bersepadu kami mempunyai sistem pengurusan alam sekitar (ISO 14001 atau setara) dan hampir separuh daripadanya mempunyai sistem pengurusan tenaga (ISO 50001 atau setara).

Rantailan Bekalan

Penilaian terhadap hubungan pembekal baharu dan sedia ada mengambil kira kriteria seperti perlindungan alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, hak asasi manusia dan pematuhan, termasuk pembayaran gaji yang mencukupi serta pengiktirafan terhadap kebebasan berserikat, larangan terhadap buruh kanak-kanak dan buruh paksa, memastikan persekitaran tempat kerja yang adil dan selamat, serta larangan diskriminasi. Kami mengguna pakai piawaian yang ditetapkan dalam Kod Tingkah Laku Pembekal global kami apabila menilai pembentukan hubungan pembekal baharu.

- Prinsip yang digariskan dalam Kod Tingkah Laku Pembekal global kami menjadi asas kepada semua hubungan kontraktual. Kod ini mewajibkan pembekal kami untuk mematuhi piawaian hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa serta obligasi alam sekitar, dan untuk membuat komitmen yang sama kepada rakan perniagaan mereka, termasuk pembekal mereka sendiri.
- Untuk memahami dan mengukur sepenuhnya jejak sosial dan ekologi kami di seluruh rantailan nilai, Kod Tingkah Laku Pembekal kami mewajibkan pembekal untuk mematuhi piawaian pekerjaan yang layak dan diiktiraf di peringkat antarabangsa serta meminimumkan impak mereka terhadap alam sekitar.

- Sekiranya risiko dikenal pasti pada pihak pembekal, pembekal tersebut bersetuju untuk melalui Kod Tingkah Laku Pembekal. Bahawasanya Heidelberg Materials atau individu yang diberi kuasa oleh Heidelberg Materials mempunyai hak untuk mewujudkan pelan tindakan yang merangkumi langkah-langkah khusus, termasuk tetapi tidak terhad kepada penilaian sendiri, latihan, dan audit terhadap pembekal, bagi mengesahkan bahawa obligasi berkaitan hak asasi manusia dan alam sekitar dipatuhi serta bagi mengurangkan risiko yang telah dikenal pasti.
- Selain itu, kami kerap berinteraksi dengan pembekal melalui latihan, Hari Pembekal, dan langkah-langkah lain yang dirangka untuk mencegah pelanggaran hak asasi manusia serta memastikan pematuhan terhadap obligasi alam sekitar. Usaha kami memberi tumpuan khusus kepada risiko utama seperti kesihatan dan keselamatan, pembayaran upah sara hidup yang adil, serta perlindungan alam sekitar.



3.4 Mekanisme Aduan

Heidelberg Materials memandang serius sebarang syak wasangka atau petunjuk yang jelas tentang pelanggaran hak asasi manusia atau pelanggaran berkaitan alam sekitar dalam kawasan operasi kami sendiri atau sepanjang rantai bekalan. Kami telah mewujudkan satu sistem pengurusan kes di mana semua kes pematuan yang dilaporkan didokumentasikan di peringkat global, yang membantu kami menjejaki pelanggaran pematuan hak asasi manusia serta menambah baik langkah-langkah pencegahan kami.

Aduan boleh dibuat melalui pelbagai saluran, seperti e-mel, panggilan telefon, penyelia terus, pasukan pematuan, dan platform pelaporan SpeakUp kami.

Platform SpeakUp disiarkan di intranet, internet, dan di pelbagai lokasi melalui poster bermaklumat, bagi memastikan ia boleh diakses oleh individu di luar organisasi. Penerimaan maklumat akan disahkan kepada individu yang membuat laporan. Pemprosesan maklumat serta perbincangan mengenai fakta dengan individu yang membuat laporan dijalankan oleh pihak yang berkecuali dan bebas, dan yang terikat dengan kewajipan kerahsiaan.

Dasar Pelaporan Insiden Pematuan & Pengurusan Kes Kumpulan (Group Compliance Incident Reporting & Case Management Policy) menyediakan arahan dan prinsip untuk membuat aduan berkaitan pematuan secara sulit dan, jika dikehendaki, tanpa nama. Dasar ini turut menerangkan proses pengendalian dan tindakan terhadap aduan atau laporan insiden yang dikemukakan serta perlindungan terhadap individu yang membuat laporan daripada tindakan balas.

3.5 Semakan Keberkesanan

Keberkesanan langkah-langkah yang diambil dalam operasi dalaman kami serta oleh pembekal kami disemak oleh Penyelaras Hak Asasi Manusia Negara masing-masing, dengan kerjasama pasukan rentas fungsi mengikut garis masa yang ditetapkan dalam pelan pengurusan impak. Sekiranya perlu, langkah selanjutnya akan diambil atau langkah dan piawaian sedia ada akan disesuaikan bagi menangani risiko hak asasi manusia dan alam sekitar dengan sewajarnya. Berhubung pembekal kami, prinsip “pemeriksaan sebelum penamatan” diguna pakai bagi menggalakkan pematuan terhadap obligasi hak asasi manusia dan alam sekitar dalam rantai bekalan kami.

3.6 Dokumentasi dan Pelaporan

Heidelberg Materials mendokumentasikan secara berterusan semua langkah yang diambil untuk mematuhi obligasi usaha wajar seperti yang dihuraikan dalam pernyataan dasar ini dan menyimpan dokumentasi tersebut mengikut peraturan yang ditetapkan.

Tingkah laku terbuka dan penuh hormat terhadap kumpulan berkepentingan merupakan nilai asas dalam organisasi kami. Penetapan dan pencapaian sasaran menjadi asas kepada pertukaran maklumat yang telus ini. Untuk tujuan tersebut, kami mengemas kini Penyataan Dasar apabila terdapat perubahan berkaitan dalam risiko yang diutamakan, berdasarkan penemuan baharu dan kesimpulan daripada proses usaha wajar kami. Selain itu, kami menerbitkan Laporan Tahunan dan Kelestarian Kumpulan Heidelberg Materials, yang menggabungkan penyata bukan kewangan dan laporan pengurusan, merangkumi prosedur asas serta tanggungjawab dan organisasi kami, proses, dasar, sasaran dan komitmen kami.

Untuk memenuhi kewajipan pelaporan kami, kami menerbitkan laporan tahunan di laman sesawang untuk menerangkan bagaimana kami memenuhi obligasi usaha wajar berkaitan hak asasi manusia dan perlindungan alam sekitar. Laporan tersebut memberikan maklumat mengenai impak yang dikenal pasti, langkah-langkah yang telah diambil, keberkesananannya, serta kesimpulan bagi tindakan masa hadapan.

Komunikasi dengan para pemegang hak, organisasi bukan kerajaan (NGO) serta pihak berkepentingan lain seperti pelabur juga merupakan sebahagian daripada akauntabiliti dan ketelusan kami. Kami menggunakan pelbagai kaedah komunikasi untuk memastikan pihak berkepentingan sentiasa dimaklumkan dan untuk membuka ruang dialog bersama mereka — daripada suratkhbar sehinggalah media sosial dan pelbagai konsep penglibatan awam. Pasukan pengurusan loji atau tapak lazimnya bertanggungjawab untuk mengadakan dialog dengan komuniti setempat berhubung isu-isu yang penting bagi mereka. Ahli Lembaga Pengurusan, pasukan hak asasi manusia, serta wakil fungsi perniagaan penting secara berkala mengadakan sesi dialog pengurusan dan sesi perkongsian maklumat dengan pekerja mengenai sasaran, langkah dan strategi kami berkaitan perlindungan iklim serta isu alam sekitar lain, termasuk keselamatan pekerjaan bagi pekerja dan rakan kontrak, aspek tadbir urus korporat, serta penghormatan terhadap hak asasi manusia. Sebagai prinsip umum, kami memberikan maklum balas secara telus terhadap permintaan daripada organisasi bukan kerajaan, kumpulan berkepentingan dan pelabur.



Heidelberg Materials, bersama-sama pelbagai anak syarikatnya, mengambil bahagian dalam banyak persatuan dan inisiatif bagi memacu peralihan lestari dalam sektor kami. Kami turut menyertai pelbagai acara, pembentangan dan perbincangan panel untuk menunjukkan secara langsung usaha usaha wajar kami serta bagaimana Heidelberg Materials, sebagai salah satu syarikat bahan binaan terkemuka di dunia, dapat membantu menyelesaikan masalah-masalah masyarakat.

4. Pindaan dan Kemas Kini

Bagi menunjukkan hasil penilaian risiko hak asasi manusia, dan sebagai sebahagian daripada komitmen kami terhadap ketelusan serta penglibatan dengan pihak berkepentingan, Pernyataan Dasar ini akan dikemas kini apabila terdapat perubahan ketara dalam risiko utama yang telah dikenal pasti.

5. Pengesahan Dasar

Lembaga Pengurusan Heidelberg Materials AG telah meluluskan Pernyataan Dasar ini pada 11 Julai 2025. Pernyataan Dasar ini berkuat kuasa pada tarikh tersebut dan melengkap standard serta garis panduan lain yang terpakai berkaitan obligasi hak asasi manusia dan alam sekitar. Tiada sebarang tuntutan atau hak oleh pihak ketiga boleh ditafsirkan atau diperoleh daripada Pernyataan Dasar ini.

